



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH MAMPU  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**PELAKSANAAN PENGURUSAN PORTFOLIO APLIKASI KERAJAAN  
MELALUI PENGGUNAAN  
SISTEM REPOSITORI APLIKASI SEKTOR AWAM (RASA)**

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN  
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)  
JABATAN PERDANA MENTERI**

## KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Tujuan	1
Latar Belakang	1
Keperluan	3
Pelaksanaan	4
Struktur Tadbir Urus	5
Pemakaian	5
Tarikh Kuat Kuasa	5
Pertanyaan	6



**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)  
JABATAN PERDANA MENTERI**

Aras 1-6, Setia Perdana 2  
Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000  
Faks : 603-8888 3163  
Portal Rasmi : [www.mampu.gov.my](http://www.mampu.gov.my)

Rujukan : MAMPU.600-1/17/3 ( 3 )

Tarikh : 10 Julai 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH MAMPU  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**PELAKSANAAN PENGURUSAN PORTFOLIO APLIKASI KERAJAAN  
MELALUI PENGGUNAAN  
SISTEM REPOSITORI APLIKASI SEKTOR AWAM (RASA)**

**TUJUAN**

1. Surat arahan ini bertujuan untuk menerangkan Pelaksanaan Pengurusan Portfolio Aplikasi Kerajaan melalui penggunaan Sistem Repositori Aplikasi Sektor Awam (RASA) sebagai rujukan kepada agensi Kerajaan.

**LATAR BELAKANG**

2. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah membangunkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2020 MyGovEA: Pelaksanaan Pendekatan Reka Bentuk Berstruktur Ekosistem Organisasi Perkhidmatan Awam sebagai panduan kepada agensi sektor awam dalam

**BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI**



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015 NO SIJIL : 0049004



1



ISO/IEC 27006:2011  
ISMS 02082013 CB 02



Pengiktirafan MS ISO/IEC 27001:2013  
NO. SIJIL: 027-ISO49

membina dan membudayakan amalan *Enterprise Architecture* (EA). Malaysia Government Enterprise Architecture (MyGovEA) berperanan sebagai sumber rujukan utama bagi perkhidmatan kerajaan berteraskan standard kluster serta menyediakan gambaran keseluruhan ekosistem perkhidmatan sektor awam.

3. Pembudayaan amalan EA berlandaskan rangka kerja MyGovEA merupakan tunjang kepada agenda transformasi pendigitalan negara dalam merealisasikan nilai perkhidmatan dan pemodenan. Amalan EA juga memperkukuh ketelusan dan kecekapan perkhidmatan melalui gambaran sinergi elemen dalam ekosistem organisasi merangkumi interaksi antara struktur, proses, perkhidmatan, sumber, aplikasi dan teknologi untuk mencapai matlamat organisasi. Pelaksanaan dan pembudayaan amalan EA dalam kalangan sektor awam perlu merujuk kepada Panduan MyGovEA: Pelaksanaan Pendekatan Reka Bentuk Berstruktur Ekosistem Organisasi Perkhidmatan Awam dan dua (2) panduan lain iaitu:

- i. Panduan *Tools* dan Repositori MyGovEA; dan
- ii. Model Rujukan MyGovEA.

4. Model Rujukan MyGovEA merupakan panduan standard klasifikasi bagi empat (4) domain EA iaitu perkhidmatan, data, aplikasi dan teknologi yang disediakan MAMPU bagi kegunaan agensi sektor awam dalam merangka perkhidmatan, mengurus data, aplikasi dan teknologi. Penggunaan model rujukan ini dijelaskan dan diterangkan di dalam empat standard rujukan *architecture* Kerajaan iaitu *Government Wide Reference Architecture* (GWRA) Perkhidmatan, Data, Aplikasi dan Teknologi.

5. GWRA Aplikasi dibangunkan melalui Pengurusan Portfolio Aplikasi Kerajaan. Hasrat ini selari dengan Teras (1), Strategi (1), Inisiatif (1) dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) supaya MAMPU didaya upaya dalam memacu pendigitalan dan bertindak balas terhadap perubahan pantas teknologi digital. Usaha ini turut menyokong faedah pelaburan kerajaan bagi memperoleh nilai untuk wang

(*value for money*) melalui pelaksanaan sistem aplikasi yang berimpak tinggi kepada masyarakat dan agensi Kerajaan.

6. RTEDM dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 telah menyatakan kepentingan Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan dalam memacu perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu serta bertindak balas terhadap perubahan pantas teknologi digital dalam membangunkan sistem aplikasi yang menyeluruh dan terangkum meliputi pelbagai kumpulan sasar.

7. Pengurusan Portfolio Aplikasi Kerajaan yang dijelaskan dalam GWRA Aplikasi merupakan usaha pengoptimuman sumber dalam pembangunan sistem aplikasi supaya secara berpusat seterusnya menambah baik pengurusan landskap pengurusan projek dan perolehan ICT yang lebih menyeluruh. Pengoptimuman sumber dapat mengurangkan pembangunan sistem yang bertindih, meningkatkan keupayaan perkongsian data, meningkatkan komunikasi secara terus di antara pelbagai agensi pemilik proses dan perkhidmatan serta menyumbang kepada penjimatan kos projek.

## **KEPERLUAN**

8. MAMPU sedang melaksana Pengurusan Portfolio Aplikasi Kerajaan dalam usaha untuk mengumpul maklumat aplikasi dan teknologi di agensi sektor awam melalui Sistem RASA.

9. Maklumat portfolio aplikasi kerajaan akan menyumbang dalam penilaian kebolehpayaan projek agensi bagi kelulusan oleh MAMPU dan dijadikan asas kepada kawal selia standard pembangunan sistem aplikasi dan pengaturcaraan dari aspek perkongsian kod sumber/ objek rujukan/ metadata (*shared source code/ reference object/ metadata*) bagi menyeragam (*interoperability*) dan mempercepat proses pembangunan aplikasi.

## PELAKSANAAN

10. Pelaksanaan Pengurusan Portfolio Aplikasi Kerajaan memerlukan penglibatan menyeluruh daripada agensi sektor awam yang terdiri daripada Kementerian, Jabatan Persekutuan, dan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan. Agensi sektor awam yang dinyatakan perlu mengemas kini Sistem RASA dan memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan iaitu:

- i. Mengetahui dan merekodkan semua sistem aplikasi milik Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan mengikut kategori berikut:
  - a. Aplikasi utama kerajaan merangkumi aplikasi yang dibangunkan khusus bagi menyokong fungsi sesebuah agensi ATAU aplikasi merentas agensi yang menyokong fungsi kluster utama perkhidmatan yang sama ATAU aplikasi utama merentas negeri yang menyokong fungsi khusus; dan
  - b. Aplikasi sokongan kerajaan merangkumi aplikasi merentas agensi yang menyokong fungsi generik semua agensi sektor awam ATAU aplikasi generik yang menyokong fungsi yang sama mengikut pelaksanaan di peringkat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun ATAU aplikasi sokongan yang khusus diwujudkan bagi kegunaan operasi agensi.
- ii. Mengemas kini maklumat sistem aplikasi dan teknologi ke dalam Sistem RASA.

11. Penggunaan dan kaedah pengisian maklumat aplikasi dan teknologi ke dalam Sistem RASA boleh didapati dengan memuat turun Tatacara Penggunaan Sistem RASA melalui pautan <https://rasa.mampu.gov.my>.

12. Maklumat yang telah dimasukkan ke dalam Sistem RASA adalah sulit dan dimiliki oleh pemilik sistem di agensi berkaitan. Sekiranya perkongsian data diperlukan di antara agensi, agensi perlu merujuk dan mengambil tindakan yang dinyatakan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2021 Dasar Perkongsian Data Sektor Awam.

### **STRUKTUR TADBIR URUS**

13. Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT, MAMPU bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan memantau pelaksanaan EA Sektor Awam bagi merealisasikan inisiatif pendigitalan negara melalui pengamalan pendekatan MyGovEA. Pendekatan ini menekankan empat domain utama iaitu perkhidmatan, data, aplikasi dan teknologi berupaya memacu perkhidmatan digital inklusif dan bersepadu dalam menyokong faedah pelaburan kerajaan bagi memperoleh nilai untuk wang (*value for money*) melalui pelaksanaan perkongsian sistem aplikasi dalam kalangan sektor awam sekaligus memberi impak tinggi kepada masyarakat dan agensi kerajaan.

### **PEMAKAIAN**

14. Surat arahan ini terpakai kepada semua Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan.

### **TARIKH KUAT KUASA**

15. Penggunaan dan pengisian Sistem RASA ini berkuat kuasa mulai tarikh arahan dikeluarkan dan terpakai sehingga dibatalkan.

## **PERTANYAAN**

16. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan arahan ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT  
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 2, Blok B, MKN Embassy Techzone,  
Jalan Teknokrat 2,  
63000 Cyberjaya,  
SELANGOR.  
No. Telefon : 03-8872 5164  
No. Faks : 03-8888 3163  
E-mel : [rasa@mampu.gov.my](mailto:rasa@mampu.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATUK HAJI RODZI BIN MD SAAD**

Ketua Pengarah MAMPU